

RM12j biayai kos penempatan semula

Usaha kerajaan bela nasib penduduk terbabit Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Bes

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

jalal@bharian.com.my

SUNGAI SIPUT: Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pengangkutan memperuntukkan kira-kira RM12 juta bagi membiayai kos infrastruktur untuk menempatkan semula penduduk Perak yang terjejas dengan Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat, berkata melalui peruntukan itu mereka yang terbabit akan ditempatkan semula melalui Rancangan Penempatan Tersusun (RPT) di kawasan tertentu yang dikenal pasti.

Katanya, kerajaan juga memberikan wang sagu hati berjumlah RM4 juta kepada 490 setinggan di negeri itu yang terpaksa keluar dari tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) berikutan pelaksanaan projek terbabit.

"Ada desas-desus mengatakan kita hanya berunding (bantuan) tetapi tidak laksanakan. Jadi apa yang kita buat ini (pemberian wang sagu hati) adalah bukti kerajaan bukan saja berjanji tetapi mengotakan janji itu.

"Dalam kes membabitkan setinggan, mereka sebenarnya tidak berhak di sisi undang-undang untuk mendapat apa-apa bayaran kerana tidak mempunyai hak milik ke atas tanah diduduki tetapi kita beri sagu hati kerana prihatin dan tidak mahu rakyat tersepit," katanya.

Ong berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan cek sagu hati bernilai RM8,200 kepada setiap 43 setinggan Sungai Siput yang dipindahkan dari tanah rizab KTMB berikutan pelaksanaan projek itu di sini, baru-baru ini.

Penerima terbabit adalah kumpulan setinggan terakhir negeri itu diberikan wang sagu hati berkenaan.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kerajaan Tempatan, Hal Ehwal Pengguna, Alam Sekitar, Pengangkutan dan Hal Ehwal Bukan Islam negeri, Datuk Dr Mah Hang Soon, yang mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Ong berkata, secara keseluruhan terdapat hampir 1,140 lot tanah yang mempunyai hak milik terbabit dalam proses pengambilalihan tanah di negeri itu, dengan kebanyakannya bertujuan meluruskan jajaran landasan dan pembinaan jejambat menggantikan lintasan rata sedia ada.

Beliau berkata, sehingga semuanya sudah melalui proses perbicaraan tanah dan

99.8 peratus sudah dibayar pampasan mereka.

Sambil berterima kasih kepada kerajaan negeri dan agensi berkaitan kerana membantu melicinkan proses pengambilalihan tanah, Ong berjanji akan menangani mana-mana kes yang tercicir secara adil.

Dalam pada itu, Ong turut memaklumkan proses pemberian hak milik tanah kepada kira-kira 300 setinggan yang menduduki tanah KTMB di Kuala Sepetang dan Simpang Halt di Taiping kini di peringkat akhir.

Katanya, beliau akan membentangkan kepada Kabinet mengenai persetujuan KTMB memberikan hak milik tanah diduduki setinggan itu kepada Kerajaan Perak tidak lama lagi.

"Selepas kerajaan negeri mempunyai hak milik ke atas tanah itu, ia akan dipinda-

hkan pula kepada setinggan terbabit.

"Usaha membuktikan kerajaan Barisan Nasional (BN) mengotakan janjinya kepada rakyat walaupun tewas pada pilihan raya kecil di Parlimen Bukit Gantang, tahun lalu.

"Saya sendiri ketika itu turun padang melihat masalah mereka dan walaupun kalah pilihan raya kecil itu, kita tidak lupakan mereka sebaliknya terus berusaha menyelesaikan masalah itu yang kini sudah sampai ke peringkat akhir," katanya.



Ong Tee Keat